



**RINGKASAN
KAJIAN SEPARUH PENGAL**

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS

2021-2025
**MALAYSIA MADANI: MAMPAN, SEJAHTERA,
BERPENDAPATAN TINGGI**

Pengenalan

Ringkasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) ini menyenaraikan keutamaan dasar Kerajaan, program yang akan dilaksanakan, manfaat yang diterima serta sasaran terpilih yang telah dikenal pasti dalam tempoh akhir KSP RMKe-12. Ringkasan ini disediakan untuk memberi panduan dan kefahaman yang jelas kepada semua pihak mengenai keutamaan Kerajaan dalam membangunkan **Malaysia yang mampan, sejahtera dan berpendapatan tinggi**. Semua pihak berkepentingan, termasuk rakyat, sektor swasta dan kerajaan akan menerima manfaat daripada program yang akan dilaksanakan. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan, setiap program akan dipantau melalui sasaran terpilih berdasarkan petunjuk prestasi utama.

KSP RMKe-12 menjadi landasan pelaksanaan dasar dan pencapaian aspirasi jangka panjang negara. Rangka kerja Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat menjadi asas utama dalam perancangan KSP RMKe-12. Semua program yang dirangka di bawah KSP RMKe-12 dijangka dengan rangka kerja ekonomi MADANI dan menyokong kepada pencapaian sasaran ekonomi MADANI yang telah ditetapkan. Pencapaian sasaran ini akan meningkatkan kesejahteraan rakyat, kemampuan ekonomi dan kelestarian alam sekitar serta memperkukuh tatakelola.

Penjajaran Rangka Kerja Ekonomi MADANI dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas

EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT

Menaikkan Siling Peneraju Ekonomi Asia

- ▶ Destinasi Pelaburan Berdaya Saing dan Bertaraf Global
- ▶ Industri Berteraskan Digital dan Inovasi
- ▶ Peneraju Ekonomi Islam Global
- ▶ Jaguh PMKS Serantau
- ▶ Keterjaminan dan Kemampuan Ekonomi



Kemampuan dan Negara Berpendapatan Tinggi

Untuk berjaya memerlukan pendekatan seluruh Malaysia (Rakyat, Kerajaan dan Industri)



Dengan semangat perpaduan



Tatakelola yang baik (membangkitkan rasuah)



Sistem penyampaian awam yang tangkas dan kolaboratif



Penyampaian Perkhidmatan Awam

Menaikkan Lantai Peningkatan Darjat Hidup Rakyat

- ▶ Pekerjaan Bermakna dan Berpendapatan Tinggi
- ▶ Keterangkuman dan Kesaksamaan Peluang
- ▶ Akses Sejagat Pendidikan dan Kesihatan
- ▶ Kemudahan Asas Bertaraf Dunia
- ▶ Perlindungan Sosial untuk Semua



Masyarakat Sejahtera

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS

Aspirasi

Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat
Tema
Malaysia Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi
**Pemacu/
Fokus
Utama**

**Mempertingkatkan
Kecekapan
Penyampaian
Perkhidmatan Awam**

**Memperkukuh
Kemampuan**

**Membangunkan
Masyarakat Sejahtera**

**Mencapai Negara
Berpenghasilan Tinggi**
Tumpuan

- T1** Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi
- T2** Perundangan Berkaitan Rasuah
- T3** Pemantapan Modal Insan Perkhidmatan Awam

- T4** Kemampuan Fiskal dan Sistem Kewangan
- T5** Industri yang Mempunyai Pertumbuhan dan Nilai yang Tinggi (HGHV) Berasaskan Peralihan Tenaga
- T6** Penyasaran Semula Subsidi
- T7** Pembangunan Bandar Mampan
- T8** Peningkatan Pembangunan Luar Bandar
- T9** Pengoptimuman Peluang Kerjasama Subserantau
- T10** Penambahbaikan Pengurusan Iklim, Bencana dan Pencemaran
- T11** Pengurusan Sumber Asli dan Alam Sekitar

- T12** Pembudayaan Masyarakat MADANI
- T13** Reformasi Perlindungan Sosial
- T14** Peningkatan Taraf Hidup
- T15** Pencapaian Outcome yang Saksama untuk Bumiputera
- T16** Peningkatan Pembangunan Masyarakat Orang Asli
- T17** Pemerksaan Kumpulan Sasar Khusus
- T18** Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan
- T19** Perumahan untuk Rakyat
- T20** Peningkatan Kecemerlangan Sukan
- T21** Pengukuhan Keselamatan dan Pertahanan Negara

- T22** Industri HGHV Berasaskan Teknologi dan Digital
- T23** Industri HGHV E&E Bernilai Tinggi
- T24** HGHV Pertanian dan Industri Asas Tani
- T25** Industri HGHV Nadir Bumi
- T26** Pengukuhan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi
- T27** Pemerksaan PMKS dan Perusahaan Sosial
- T28** Peningkatan Potensi Ekonomi Wilayah
- T29** Ketersediaan Bakat Masa Hadapan
- T30** Pengukuhan Jaringan Pengangkutan Awam
- T31** Peningkatan Daya Tahan Infrastruktur Pengangkutan dan Logistik

 **Anjakan Besar**

The background consists of several overlapping, wavy bands of different shades of blue, ranging from light sky blue to a deeper, more saturated blue. The bands flow from the top left towards the bottom right, creating a sense of movement and depth. The overall effect is clean, modern, and professional.

PEMACU UTAMA

Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

- T1 Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi
- T2 Perundangan Berkaitan Rasuah
- T3 Pemantapan Modal Insan Perkhidmatan Awam






Tumpuan 1: Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi

ANJAKAN
BESAR 



Penambahbaikan penguatkuasaan dalam menangani aduan awam melalui pengubalan Akta Ombudsman



Pelaksanaan kawal selia pematuhan peraturan perkongsian data dan storan awan Kerajaan melalui pengubalan Akta Omnibus



Pelaksanaan pekeling dasar inovasi bagi menggalakkan kreativiti dalam perkhidmatan awam



Semakan dan penyusunan semula struktur dan fungsi kementerian/agensi



Semakan semula undang-undang sedia ada dan perundangan yang lapuk



Pemantapan peranan dan fungsi agensi perundangan



Pemantapan peranan dan fungsi agensi pengurusan *whistleblower*

Tumpuan 1: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Perundangan yang lebih adil dan saksama
- ▶ Perkhidmatan yang cekap dan berkesan
- ▶ Kelancaran dan memudahkan urusan dengan Kerajaan
- ▶ Penjimatan masa dan kos



- ▶ Peluang perniagaan dan pelaburan yang lebih baik
- ▶ Penjimatan masa dan kos



- ▶ Tadbir urus yang lebih baik
- ▶ Peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan
- ▶ Pengurangan risiko rasuah
- ▶ Pengoptimuman sumber
- ▶ Pelaksanaan dasar yang berkesan

Sasaran Terpilih

20
teratas

Kedudukan Subindeks
Kecekapan Kerajaan dalam *IMD*
World Competitiveness Yearbook

90%

Jumlah skor dalam Sistem
Pengurusan Amalan Nilai



Tumpuan 1: Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi

ANJAKAN
BESAR 



Penguatan pengurusan dan pentadbiran sektor awam melalui pengenalan akta tadbir urus



Pembangunan Indeks Tadbir Urus Malaysia



Penambahbaikan prosedur dan peraturan pendaftaran perniagaan



Penambahbaikan permohonan permit dan lesen



Pemeriksaan fungsi Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat yang mendapat jaminan, pelaburan dan pinjaman oleh Kerajaan melalui pindaan Akta Audit 1957



Penyelarasan pengurusan harta yang disita dan dilucut hak melalui pindaan Akta Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019



Penambahbaikan mekanisme pelaporan pemunyaan benefisial melalui pindaan Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhadap 2012

Tumpuan 1: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Perundangan yang lebih adil dan saksama
- ▶ Perkhidmatan yang cekap dan berkesan
- ▶ Kelancaran dan memudahkan urusan dengan Kerajaan
- ▶ Penjimatan masa dan kos



- ▶ Pengukuhan akauntabiliti perniagaan
- ▶ Peluang perniagaan dan pelaburan yang lebih baik
- ▶ Penjimatan masa dan kos



- ▶ Tadbir urus yang lebih baik
- ▶ Peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan
- ▶ Pengurangan risiko rasuah
- ▶ Pengoptimuman sumber
- ▶ Pelaksanaan dasar yang berkesan

Sasaran Terpilih

30
teratas

Kedudukan Indeks
Persepsi Rasuah oleh
Transparency International

12
teratas

Kedudukan Indeks
Daya Saing Global



Tumpuan 1: Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi

ANJAKAN
BESAR



Penambahbaikan pendaftaran, pelantikan dan penamatan kontrak melalui Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994



Pengintegrasian sistem MyProjek dengan proses *Value at Entry* dan Sistem Pengurusan Tanah Persekutuan dan Pembahagian Pusaka (MyeTapp)



Semakan semula pelaksanaan projek pembangunan yang belum dimulakan melangkaui Rancangan Malaysia Lima Tahun




Pengecualian Peraturan AP 182 bagi pelaksanaan projek berskala kecil oleh agensi bukan teknikal



Penambahbaikan keputusan lanjutan masa (EOT) di bawah *Contract Coordination Panel (CCP)*



Pemeriksaan Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR)



Penyerahan kawal selia bekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah di bawah MA63

Tumpuan 1: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Perundangan yang adil dan saksama
- ▶ Perkhidmatan yang cekap dan berkesan
- ▶ Kelancaran dan memudahkan urusan dengan Kerajaan
- ▶ Penjimatan masa dan kos
- ▶ Penyelesaian segera isu penyelenggaraan kemudahan dan infrastruktur awam berskala kecil



- ▶ Peluang perniagaan dan pelaburan yang lebih baik
- ▶ Penjimatan masa dan kos



- ▶ Tadbir urus yang lebih baik
- ▶ Peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan
- ▶ Perancangan dan pengurusan sumber yang lebih cekap
- ▶ Pengoptimuman sumber
- ▶ Pangkalan data yang berpusat dan interaktif
- ▶ Pelaksanaan dasar yang berkesan

Sasaran Terpilih

SIFAR

Projek sakit melebihi 20% atau 60 hari daripada jadual

99%

Liputan akses kepada elektrik di Sabah



Tumpuan 2: Perundangan Berkaitan Rasuah

ANJAKAN
BESAR



Pengawalseliaan larangan
penyaluran dana daripada entiti
asing melalui penggubalan
undang-undang sumbangan politik



Pengawalseliaan kos, kualiti dan
ketidaksaksamaan dalam ekonomi
melalui pengenalan perundangan
anti rent-seeking



Pembangunan pelan
integriti MADANI



Pembangunan
pelan antirasuah



Pembangunan instrumen
integriti *health check*



Pelaksanaan kempen
kesedaran integriti

Tumpuan 2: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Penerapan nilai insaniah
- ▶ Pembentukan budaya lebih beradab
- ▶ Pengurangan risiko rasuah
- ▶ Pemimpin dan masyarakat yang berintegriti dan telus



- ▶ Ekosistem perniagaan yang stabil dan telus
- ▶ Pengurangan risiko rasuah
- ▶ Pekerja yang lebih berintegriti



- ▶ Tadbir urus yang lebih berintegriti dan telus
- ▶ Peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan
- ▶ Pengurangan risiko rasuah
- ▶ Pengoptimuman sumber
- ▶ Penjawat awam yang lebih berintegriti

Sasaran Terpilih

30
teratas

Kedudukan Indeks
Persepsi Rasuah oleh
Transparency International

**Pelan
Integriti**

Pengenalan pelan
integriti baharu



Tumpuan 3: Pemantapan Modal Insan Perkhidmatan Awam



Pembangunan profil
ciri pelaku rasuah



Pelaksanaan *Behavioural Insights*
dalam penggubalan dasar



Peningkatan penyertaan
orang kurang upaya (OKU)



Pelaksanaan inisiatif
kemahiran digital



Peningkatan kemahiran dan
latihan kemahiran semula



Pelaksanaan konsep
leaders create leaders



Pengenalan
spesifikasi tugas



Pengukuhan profil
data penjawat awam

Tumpuan 3: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan
- ▶ Peningkatan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam



- ▶ Ekosistem perniagaan yang lebih cekap, telus dan berintegriti
- ▶ Penjimatan masa dan kos dalam menjalankan perniagaan
- ▶ Kelancaran dan memudahkan urusan dalam perniagaan



- ▶ Penggubalan dasar yang lebih berkesan
- ▶ Pengurangan ketirisan sumber awam
- ▶ Peluasan bakat yang lebih inklusif
- ▶ Pemimpin yang berwibawa
- ▶ Pemandu awam yang berintegriti, cekap dan produktif

Sasaran Terpilih

100%

Penjawat awam menguasai kompetensi digital

20 teratas

Kedudukan Subindeks Kecekapan Kerajaan dalam IMD World Competitiveness Yearbook

30 teratas

Kedudukan Indeks Persepsi Rasuah oleh Transparency International


90%

Jumlah skor dalam Sistem Pengurusan Amalan Nilai

FOKUS
UTAMA



Memperkukuh Kemampanan

- | | |
|-----|---|
| T4 | Kemampanan Fiskal dan Sistem Kewangan |
| T5 | Industri HGHV Berasaskan Peralihan Tenaga |
| T6 | Penyasaran Semula Subsidi |
| T7 | Pembangunan Bandar Mampan |
| T8 | Peningkatan Pembangunan Luar Bandar |
| T9 | Pengoptimuman Peluang Kerjasama Subserantau |
| T10 | Penambahbaikan Pengurusan Iklim, Bencana dan Pencemaran |
| T11 | Pengurusan Sumber Asli dan Alam Sekitar |
- 



Tumpuan 4: Kemampunan Fiskal dan Sistem Kewangan

ANJAKAN
BESAR 



Pengenalan sistem invois elektronik
berkaitan pengurusan cukai



Penyelarasan semula lebih dana
Bahagian Pengurusan Strategik
Badan Berkanun (SBM) dan
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)



Pengubalan akta perolehan
kerajaan bagi menambah baik
pengurusan perolehan kerajaan



Pembangunan Pelan Induk
Kerjasama Awam
Swasta 2023-2032



Pengagihan peruntukan
pembangunan berdasarkan
keutamaan pembangunan wilayah



Penambahbaikan garis panduan
bagi perancangan penyelenggaraan
aset dan fasiliti sektor awam



Pengukuhan pembiayaan alternatif
bagi penyelenggaraan aset kerajaan



Pembangunan model perolehan
strategik berdasarkan prinsip kos
kitaran hayat

Tumpuan 4: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Perkhidmatan yang mudah diakses
- ▶ Penilaian bayaran cukai yang lebih tepat
- ▶ Penjimatan masa



- ▶ Kelancaran menjalankan urusan perniagaan
- ▶ Peningkatan pelaburan dan eksport
- ▶ Peningkatan produktiviti



- ▶ Perbelanjaan lebih produktif
- ▶ Pengoptimuman sumber
- ▶ Peningkatan jangka hayat aset kerajaan
- ▶ Perancangan penyelenggaraan aset kerajaan yang lebih teratur

Sasaran Terpilih

-3.5%
hingga
-3.0%

Peratusan baki fiskal kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK)

61/100

Skor minimum dalam *Open Budget Index*

50%

Peruntukan pembangunan kepada negeri kurang membangun



Tumpuan 4: Kemampanan Fiskal dan Sistem Kewangan

ANJAKAN
BESAR 



Penguatan ekosistem
kewangan Islam



Penguatan ekosistem
keselamatan siber dalam
industri kewangan



Pelaksanaan Pelan Hala Tuju
Pragmatik Rangkaian Pendidikan
Kewangan (FEN)



Pengenalan panduan pertimbangan
prinsip alam sekitar, sosial dan
tadbir urus (ESG) untuk pelaburan
dalam pasaran modal

Tumpuan 4: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Akses kepada produk kewangan Islam
- ▶ Peluang pekerjaan
- ▶ Transaksi kewangan dalam talian yang lebih selamat
- ▶ Peningkatan celik digital dan amalan *cyber hygiene*
- ▶ Celik kewangan



- ▶ Akses kepada kontrak Syariah yang lebih moden
- ▶ Ekosistem kewangan yang selamat dan diyakini
- ▶ Pemandaran perkhidmatan dengan keperluan
- ▶ Pasaran modal yang lebih mampan
- ▶ Peningkatan daya saing dan produktiviti
- ▶ Akses kepada penyelesaian kewangan hijau
- ▶ Peningkatan pelaburan



- ▶ Ekosistem kewangan Islam yang lebih sistematik
- ▶ Pemacuan inovasi dalam kewangan Islam
- ▶ Pematuhan piawaian ESG

Sasaran Terpilih

59.3%

Sumbangan sektor perkhidmatan daripada KDNK


3.8%

Purata pertumbuhan produktiviti buruh sektor perkhidmatan



Tumpuan 5: Industri HGHV Berasaskan Peralihan Tenaga

ANJAKAN
BESAR



Pelaksanaan 10 projek *flagship* di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR)




Pelaksanaan sistem pasaran tenaga elektrik rentas sempadan



Pembangunan kawasan berasaskan tenaga boleh baharu (TBB) secara sendiri



Penyediaan pelan hala tuju gas asli nasional



Pembangunan dan penerokaan lapangan gas asli baharu



Pembangunan infrastruktur penyimpanan gas asli cecair tambahan di Pengerang, Johor



Peningkatan kapasiti sumber TBB untuk menjana tenaga bersih



Pembangunan industri petrokimia

Tumpuan 5: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Peluang pekerjaan
- ▶ Peningkatan pendapatan



- ▶ Penggunaan teknologi terkini
- ▶ Peningkatan peluang pelaburan
- ▶ Harga gas yang lebih kompetitif
- ▶ Penggunaan teknologi terkini
- ▶ Peningkatan produktiviti dan daya saing
- ▶ Peluang perniagaan industri perkhidmatan dan peralatan gas & minyak (OGSE)



- ▶ Pengukuhan kerjasama dengan negara ASEAN
- ▶ Peningkatan hasil
- ▶ Sumber baharu pertumbuhan ekonomi
- ▶ Bekalan gas yang lebih terjamin
- ▶ Perluasan tenaga boleh baharu

Sasaran Terpilih

70%

Mempercepat peralihan tenaga bagi mencapai sasaran TBB pada tahun 2050

**RM25
bilion**

Pelaburan awal dalam TBB di bawah 10 *flagship* NETR

23,000

Peluang pekerjaan di bawah 10 *flagship* NETR

10,000

Pengurangan gigagram karbon dioksida setara setahun di bawah 10 *flagship* NETR



Tumpuan 5: Industri HGHV Berasaskan Peralihan Tenaga

ANJAKAN
BESAR 



Pengubalan dan penguatkuasaan
Akta Kecekapan dan Konservasi
Tenaga bagi menggalakkan
pengurusan cekap tenaga



Pemasangan sistem solar di
bangunan kerajaan terpilih dalam
tahun 2023 secara *one-off*



Pengukuhan Piawai Minimum
Prestasi Tenaga (MEPS) sebagai
jaminan barangan cekap tenaga



Penarafan Pelabelan Indeks Tenaga
Bangunan (BEI) bagi bangunan
cekap tenaga



Pemberian Geran Audit Tenaga
Bersyarat (EACG) kepada sektor
komersial sebagai galakan
penjimatan tenaga

Tumpuan 5: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Kesedaran mengenai perundangan cekap tenaga
- ▶ Peningkatan kesedaran mengenai penjimatan tenaga



- ▶ Pemberian geran bersyarat
- ▶ Perlindungan dan jaminan kecekapan tenaga
- ▶ Peningkatan pelaburan
- ▶ Peningkatan produktiviti
- ▶ Peningkatan daya saing



- ▶ Peningkatan hasil
- ▶ Penguatkuasaan perundangan kecekapan tenaga
- ▶ Penjimatan tenaga dalam bangunan kerajaan
- ▶ Pengurangan kos utiliti

Sasaran Terpilih

**Bersih Sifar
2050**

Aspirasi untuk mencapai pelepasan gas rumah kaca bersih sifar


8%

Pengurangan penggunaan elektrik



Tumpuan 5: Industri HGHV Berasaskan Peralihan Tenaga

ANJAKAN
BESAR 



Penyediaan strategi jangka panjang pembangunan rendah karbon (LT-LEDS) dan pelan hala tuju *nationally determined contribution*



Pembangunan rangka kerja kawal selia pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS)



Pembangunan rangka kerja dasar ESG



Penyediaan buku panduan dan direktori *Bursa Carbon Exchange* untuk memudahkan perdagangan kredit karbon



Pelaksanaan kajian harga karbon untuk menilai ketersediaan negara melaksanakan pasaran karbon

Tumpuan 5: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Kesedaran mengenai perundangan
- ▶ Peluang pekerjaan



- ▶ Akses kepada pembiayaan ESG
- ▶ Keseragaman piawaian
- ▶ Peningkatan pelaburan
- ▶ Peningkatan produktiviti
- ▶ Perdagangan karbon yang seragam



- ▶ Peningkatan daya saing
- ▶ Peningkatan hasil
- ▶ Perancangan dan pemantauan yang lebih terselaras

Sasaran Terpilih

Sehingga
45%

Pengurangan intensiti pelepasan gas rumah kaca kepada KDNK pada tahun 2030 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005

6%

Sumbangan sektor perlombongan daripada KDNK



Tumpuan 6: Penyasaran Semula Subsidi

ANJAKAN
BESAR 



Penambahbaikan pengurusan
subsidi bersasar agar lebih cekap
dan bersasar



Pembangunan Pangkalan Data
Utama (PADU) sebagai sumber
rujukan bersepadu Kerajaan
dalam membuat keputusan dasar
berasaskan data



Semakan semula mekanisme
penetapan subsidi bagi
produk petroleum



Semakan semula
struktur tarif elektrik

Tumpuan 6: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Penerimaan bantuan sosial yang sewajarnya
- ▶ Peningkatan keupayaan berbelanja
- ▶ Peningkatan taraf hidup



- ▶ Peluang perniagaan dan pelaburan
- ▶ Penggunaan tenaga yang lebih cekap
- ▶ Pengurangan herotan pasaran
- ▶ Peningkatan produktiviti



- ▶ Penentuan kumpulan sasar yang tepat
- ▶ Semakan mekanisme pemberian subsidi
- ▶ Pengintegrasian data yang lebih bersepadu
- ▶ Pengoptimuman sumber perbelanjaan Kerajaan
- ▶ Penambahbaikan kedudukan kewangan

Sasaran Terpilih

-3.5%
hingga
-3.0%

Peratusan baki fiskal kepada
KDNK

80%

Perkhidmatan dalam talian dari
peringkat awal ke akhir

Sehingga
45%

Pengurangan intensiti pelepasan
gas rumah kaca kepada KDNK
pada tahun 2030 berdasarkan
intensiti pelepasan pada
tahun 2005




Tumpuan 7: Pembangunan Bandar Mampan



Penyediaan dasar perbandaran negara yang ketiga sebagai panduan perancangan bandar yang menyeluruh



Penambahbaikan penggubalan rancangan pemajuan



Penerimgunaan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) untuk menangani kawasan bandar yang sering dilanda banjir



Penarafan bandar pintar




Pelaksanaan fasa pertama sistem *Malaysia Urban Observatory* (MUO)

MURNInets
Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development

Penerimgunaan sistem MURNInets oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) di Sabah dan Sarawak



Pembangunan perumahan Residensi Wilayah



Pembangunan usahawan dan penyediaan latihan kemahiran



Pemulihan kawasan rekreasi dan landskap bandar

Tumpuan 7: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Peningkatan taraf hidup
- ▶ Akses kepada pembiayaan perumahan
- ▶ Peluang pekerjaan dan keusahawanan
- ▶ Peningkatan pendapatan
- ▶ Peningkatan kemahiran
- ▶ Peningkatan ketersambungan dan mobiliti
- ▶ Perkhidmatan perbandaran yang cekap dan berkualiti



- ▶ Penawaran produk pelancongan
- ▶ Peluang perniagaan dan pelaburan
- ▶ Peningkatan peluang keusahawanan sosial (SE)
- ▶ Peningkatan produktiviti
- ▶ Penglibatan dalam agenda SDG



- ▶ Peningkatan daya saing dan imej bandar
- ▶ Perancangan bandar yang menyeluruh
- ▶ Peningkatan hasil
- ▶ Peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan
- ▶ Peningkatan kemampuan PBT

Sasaran Terpilih

120

Bandar mencapai status bandar mampan berdasarkan MURNInets

5

Bandar yang diiktiraf sebagai bandar pintar

6

Bandar yang menggunakan Modul Bandar Pintar di dalam MUO



Tumpuan 7: Pembangunan Bandar Mampan



Penerimgunaan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon bagi menggalakkan pembangunan rendah karbon dalam kalangan PBT



Pemasangan *charging station* secara berfasa bagi memperluas infrastruktur kenderaan elektrik (EV)



Penggalakan program pertanian bandar berasaskan komuniti



Penguatkuasaan pengasingan sisa di punca



Penggalakan inisiatif pengurangan, guna semula dan kitar semula (3R)



Penguatkuasaan pelaporan SDG sebagai panduan untuk intervensi dan pelaksanaan dasar



Penghasilan Laporan Semakan Subnasional (VSR) atau Laporan Semakan Tempatan (VLR) untuk memperkukuh pelaksanaan SDG pada peringkat tempatan

Tumpuan 7: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Peningkatan kesejahteraan
- ▶ Ekosistem bandar yang kondusif
- ▶ Kesedaran mengenai manfaat SDG
- ▶ Persekitaran yang bersih dan selamat
- ▶ Udara yang lebih sihat



- ▶ Penawaran produk pelancongan
- ▶ Peningkatan daya saing dan produktiviti
- ▶ Peningkatan pasaran EV tempatan
- ▶ Peningkatan pelaburan hijau
- ▶ Peluang perniagaan kitar semula



- ▶ Pelaporan SDG yang lebih berkesan
- ▶ Penguatkuasaan pengasingan sisa yang berkesan
- ▶ Peningkatan daya saing dan imej bandar
- ▶ Peningkatan daya tahan bandar
- ▶ Peningkatan hasil dan pelaburan
- ▶ Pertumbuhan sosioekonomi yang mampan

Sasaran Terpilih

1.4%

Peningkatan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia setahun

14

Bandar melaksanakan Pelan Tindakan Bandar Hijau (GCAP) di bawah platform IMT-GT dan BIMP-EAGA

40%

Kadar kitar semula isi rumah

4

Bilangan loji waste to energy



Tumpuan 8: Peningkatan Pembangunan Luar Bandar



Peluasan pasaran produk industri kotej luar bandar pada peringkat domestik dan antarabangsa



Penggalakan ekopelancongan luar bandar dengan memanfaatkan khazanah semula jadi dan warisan



Pembinaan premis perniagaan dan inkubator perniagaan bagi usahawan kecil



Penggunaan tanah terbiar dimanfaatkan untuk meningkatkan kegiatan ekonomi luar bandar



Pelaksanaan program keusahawanan dan latihan kemahiran



Peluasan penyediaan infrastruktur asas jalan, bekalan air dan bekalan elektrik luar bandar



Penyediaan perkhidmatan bas henti-henti di kawasan terpilih



Peningkatan kapasiti kepimpinan luar bandar

Tumpuan 8: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Akses kepada infrastruktur asas yang lebih baik
- ▶ Akses kepada perkhidmatan digital
- ▶ Peluang pekerjaan
- ▶ Peningkatan ketersambungan dan mobiliti
- ▶ Peningkatan pendapatan
- ▶ Peningkatan taraf hidup



- ▶ Peluang perniagaan dan pelaburan
- ▶ Peluasan pasaran barangan dan perkhidmatan
- ▶ Peningkatan produktiviti



- ▶ Peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan
- ▶ Peningkatan hasil
- ▶ Peningkatan jaringan infrastruktur

Sasaran Terpilih

2,800km

Jalan luar bandar berturap

99%

Liputan akses kepada elektrik

98%

Liputan akses kepada air bersih dan selamat



Tumpuan 8: Peningkatan Pembangunan Luar Bandar



Penaiktarafan Sistem Profil
Kampung Peringkat Nasional
(SPKPN) dan mengintegrasikan
dengan Sistem Ciri-ciri Spatial Desa
Malaysia (S-CHARMs)



Peluasan liputan jalur lebar di
bawah Pelan Jalinan Digital Negara
(JENDELA)



Pembangunan Pusat Komuniti Desa
(PKD) *Mobile*



Pelaksanaan program pengurusan
sisa berasaskan komuniti

Tumpuan 8: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Akses kepada perkhidmatan digital
- ▶ Akses yang lebih baik kepada pelbagai perkhidmatan
- ▶ Peningkatan ketersambungan dan mobiliti
- ▶ Persekitaran yang bersih, sihat dan selamat



- ▶ Peluang perniagaan dan pelaburan
- ▶ Peluasan perkhidmatan
- ▶ Penglibatan dengan komuniti yang lebih aktif



- ▶ Peningkatan daya saing
- ▶ Peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan
- ▶ Pengurusan sisa pepejal yang lebih cekap

Sasaran Terpilih

100%

Liputan internet di kawasan berpenduduk



Tumpuan 9: Pengoptimuman Peluang Kerjasama Subserantau



Pembangunan sosioekonomi,
infrastruktur dan keselamatan
di kawasan sempadan



Pembukaan pintu masuk negara
yang baharu



Pembangunan dan
peningkatan infrastruktur dalam
kawasan subserantau



Penambahbaikan fasilitasi
perdagangan dan pelaburan



Penambahbaikan ketersambungan
di kawasan subserantau

Tumpuan 9: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Akses kepada infrastruktur
- ▶ Peluang pekerjaan
- ▶ Peningkatan kemahiran dan pendapatan
- ▶ Persekitaran yang lebih selamat



- ▶ Peningkatan pelaburan dan eksport
- ▶ Peningkatan peluang perniagaan



- ▶ Pembangunan kawasan sempadan yang lebih terancang
- ▶ Peningkatan hasil
- ▶ Pengukuhan hubungan subserantau
- ▶ Pengurangan risiko keselamatan

Sasaran Terpilih

RM**1.1**
billion

Peruntukan pembangunan bagi pembangunan kawasan sempadan

2

Bilangan pintu masuk negara yang baharu



Tumpuan 10: Penambahbaikan Pengurusan Iklim, Bencana dan Pencemaran



Pembangunan dan perkongsian peta hazard banjir dan cerun untuk menyediakan maklumat mengenai kawasan banjir dan cerun di seluruh negara



Pembangunan kapasiti dan keupayaan komuniti dalam membantu proses pasca pemulihan



Pembangunan sistem amaran awal tanah runtuh untuk jalan Persekutuan



Pelaksanaan projek tebatan banjir bagi melindungi rakyat dari bencana banjir



Penilaian kesan bencana terhadap kumpulan yang terjejas seperti orang awam dan perniagaan

Tumpuan 10: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Pengurangan risiko kehilangan nyawa
- ▶ Pengurangan kerugian harta benda
- ▶ Kehidupan yang lebih sejahtera, selamat dan terjamin



- ▶ Ketersediaan terhadap bencana banjir
- ▶ Pengurangan risiko kerugian harta benda



- ▶ Penyelesaian banjir yang lebih mesra alam dan kos efektif
- ▶ Penjimatan perbelanjaan
- ▶ Kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana
- ▶ Penyelesaian banjir yang lebih mesra alam dan berkesan kos

Sasaran Terpilih

Dasar DRM

Pengenalan Dasar Pengurusan Risiko Bencana (DRM)

RM11.5
billion

Peruntukan pembangunan bagi projek tebatan banjir pada tahun 2023



Tumpuan 10: Penambahbaikan Pengurusan Iklim, Bencana dan Pencemaran



Penerimgunaan Rancangan Fizikal
Zon Persisiran Pantai Negara 2 bagi
melindungi dan mengurus
kawasan pantai



Penggubalan perundangan
mengenai perubahan iklim



Penyediaan pelan adaptasi
kebangsaan bagi perubahan iklim



Penubuhan jawatankuasa tadbir
urus kimia kebangsaan melalui
pendekatan keseluruhan negara

Tumpuan 10: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Pengurangan risiko bencana
- ▶ Persekitaran yang bersih, sihat dan selamat
- ▶ Rakyat akan terjamin dan selamat ke atas kesan perubahan iklim



- ▶ Keseragaman piawaian
- ▶ Ketersediaan terhadap perubahan iklim



- ▶ Kecekapan dalam pengurusan sistem perparitan
- ▶ Kecekapan pengurusan adaptasi perubahan iklim
- ▶ Perlindungan kawasan pantai
- ▶ Penyelarasan dan pematuhan kepada pengurusan bahan kimia
- ▶ Pengurangan risiko bencana


Sasaran Terpilih

Sehingga
45%


Pengurangan intensiti pelepasan gas rumah kaca kepada KDNK pada tahun 2030 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005




Tumpuan 11: Pengurusan Sumber Asli dan Alam Sekitar



Pembangunan santuari
spesies air tawar



Pembangunan sistem berkaitan
sumber perikanan yang
menggabungkan data mengenai
ekosistem marin dan biodiversiti
untuk memperkukuh kawasan
perlindungan marin



Pembangunan sistem permit
elektronik *Convention on
International Trade in Endangered
Species of Wild Fauna and Flora
(CITES)*



Penerimgunaan teknologi
kecerdasan buatan untuk
pemantauan spesies terancam



Penyediaan rangka kerja kawal selia
bagi pengurusan biokeselamatan



Penyediaan rangka kerja
kebangsaan dan pelan tindakan
bagi kawasan perlindungan



Semakan semula Akta
Biokeselamatan 2007 [Akta 678]
untuk meningkatkan keberkesanan
pengurusan biokeselamatan



Semakan semula pelan tindakan
konservasi bagi spesies terancam
termasuk gajah, harimau dan penyu



Penambahan keluasan kawasan
berhutan kepada 50% menjelang
tahun 2040 bagi negeri
di Semenanjung Malaysia

Tumpuan 11: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Bumi sihat, rakyat sejahtera
- ▶ Kelangsungan spesies untuk generasi masa hadapan
- ▶ Keterjaminan bekalan hasil laut
- ▶ Peluang penjana ekonomi setempat



- ▶ Pemuliharaan sumber semula jadi
- ▶ Peningkatan keuntungan



- ▶ Kelestarian alam sekitar
- ▶ Keseragaman piawaian pengurusan berkaitan biokeselamatan antara Kerajaan Persekutuan dan negeri
- ▶ Perlindungan flora dan fauna
- ▶ Pemuliharaan khazanah negara

Sasaran Terpilih

20%

Kawasan terestrial dan air daratan dipulihara

100%


Penstabilan populasi harimau



Tumpuan 11: Pengurusan Sumber Asli dan Alam Sekitar



Pelaksanaan *Integrated River Basin Management (IRBM)* untuk memaksimumkan manfaat ekonomi dan sosial dari sumber air serta mengekal dan memulihkan ekosistem air tawar



Penerokaan sumber air alternatif seperti pembinaan telaga tiub dan empangan bawah tanah dan infrastruktur berkesan kos seperti pembinaan takungan air pinggir sungai di kawasan terpilih



Peluasan program *Non-Revenue Water (NRW)* Kebangsaan untuk mengurangkan kadar kehilangan air terawat kepada pengguna



Semakan semula Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] bagi menguatkuasakan hukuman yang lebih berat



Semakan semula Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] bagi pengawalan bahan cemar baharu muncul kepada alam sekitar



Penambahbaikan pembiayaan yang mampan bagi infrastruktur sumber air



Semakan semula mekanisme penetapan tarif bagi air dan pembedaan



Penyediaan dasar mengenai pengurusan air yang menyeluruh

Tumpuan 11: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Jaminan sumber air yang bersih dan selamat
- ▶ Pengurangan gangguan bekalan air
- ▶ Perkhidmatan air yang lebih cekap
- ▶ Kesedaran mengenai alam sekitar



- ▶ Keseragaman piawaian untuk kesedaran dan pematuhan
- ▶ Peningkatan produktiviti
- ▶ Pengurusan perkhidmatan air yang lebih cekap dan mampan
- ▶ Kemampanan kewangan syarikat air



- ▶ Jaminan sumber, perkhidmatan dan bekalan air
- ▶ Kecekapan pengurusan kos air
- ▶ Keseragaman piawaian untuk kawalan dan pemantauan
- ▶ Keterjaminan sumber bekalan air mentah
- ▶ Rizab air yang tinggi
- ▶ Penjimatan perbelanjaan kerajaan

Sasaran Terpilih

31%

Peratusan tahap air tidak
berhasil

2

Pembentangan semula tarif dan
akta berkaitan di Kabinet dan
Parlimen

98%

Liputan akses kepada air bersih
dan selamat di luar bandar
melibatkan 10,589 rumah

8

Pelaksanaan pelan IRBM oleh
kerajaan negeri



Tumpuan 11: Pengurusan Sumber Asli dan Alam Sekitar



Pelaksanaan program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) untuk meningkatkan kesedaran, rasa pemilikan dan tanggungjawab bersama dalam pemuliharaan alam sekitar




Peluasan Perolehan Hijau Kerajaan kepada sektor pembinaan



Pembangunan rangka kerja dasar ekonomi kitaran untuk memaksimumkan kecekapan sumber dan meminimumkan sisa bagi menyokong inisiatif pertumbuhan hijau



Penubuhan pusat bencana geologi negara bagi memperkemas perkongsian data dan maklumat serta membolehkan tindakan yang lebih baik



Penubuhan *Malaysia Biodiversity Centre* (MBC) sebagai pusat kecemerlangan dan pengurusan biodiversiti kebangsaan



Penyediaan laporan penilaian nilai ekonomi keseluruhan (TEV) bagi kawasan pesisir pantai di negeri terpilih



Penyediaan pelan pembangunan dan pelan pelaksanaan geopark



Penyediaan Inventori Hutan Kebangsaan (NFI) keenam

Tumpuan 11: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Kehidupan yang lebih selamat dan terjamin
- ▶ Kesedaran mengenai alam sekitar
- ▶ Pembangunan bandar mampan
- ▶ Pengurangan risiko kehilangan nyawa dan harta benda



- ▶ Ketersediaan terhadap bencana
- ▶ Pematuhan kepada peraturan
- ▶ Pengurangan penjana sisa
- ▶ Pengurangan risiko kerugian
- ▶ Peningkatan inovasi dan daya saing produk tempatan



- ▶ Bank data hutan yang menyeluruh
- ▶ Data biodiversiti bersepadu
- ▶ Jaminan sumber, perkhidmatan dan bekalan air
- ▶ Kecekapan pengurusan kos air
- ▶ Keseragaman pelaksanaan ekonomi kitaran
- ▶ Kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana
- ▶ Peningkatan pemuliharaan biodiversiti
- ▶ Rujukan bagi penilaian stok karbon

Sasaran Terpilih

Sehingga
45%

Pengurangan intensiti pelepasan gas rumah kaca kepada KDNK pada tahun 2030 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005

30%

Perolehan hijau kerajaan

40%

Kadar kitar semula sisa isi rumah

5.6%


Kawasan pesisir pantai dan marin dipulihara

FOKUS
UTAMA



Membangunkan Masyarakat Sejahtera

- T12 Pembudayaan Masyarakat MADANI
- T13 Reformasi Perlindungan Sosial
- T14 Peningkatan Taraf Hidup
- T15 Pencapaian Outcome yang Saksama untuk Bumiputera
- T16 Peningkatan Pembangunan Masyarakat Orang Asli
- T17 Pemerkasaan Kumpulan Sasar Khusus
- T18 Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan
- T19 Perumahan untuk Rakyat
- T20 Peningkatan Kecemerlangan Sukan
- T21 Pengukuhan Keselamatan dan Pertahanan Negara





Tumpuan 12: Pembudayaan Masyarakat MADANI

ANJAKAN
BESAR



Pembangunan sahsiah murid
melalui penerapan konsep
Karamah Insaniah



Pelaksanaan kempen dan program
kesedaran mengenai prinsip
Maqasid Syariah bagi memupuk
nilai insaniah dalam kalangan
penjawat awam



Pelaksanaan program
pembangunan masyarakat progresif
dan jati diri berteraskan Rukun
Negara melalui *flagship*
Kembara Perpaduan



Penguatan peranan institusi
pendidikan tinggi (IPT) dalam
penyelidikan berkaitan inovasi
sosial dan nilai insan



Pelaksanaan program sukan dan
rekreasi peringkat komuniti bagi
peningkatan penyertaan inklusif
dalam sukan dan gaya hidup aktif

Tumpuan 12: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Kekuatan jati diri
- ▶ Pelajar berakhlak mulia
- ▶ Pembentukan gaya hidup sihat dan aktif
- ▶ Pembudayaan prinsip Maqasid Syariah dan nilai murni
- ▶ Peningkatan tahap kecergasan dan kesihatan
- ▶ Semangat cintakan negara



- ▶ Peningkatan keamanan dan kestabilan negara
- ▶ Peningkatan tahap perpaduan dan kesepaduan sosial
- ▶ Penjimatan kos penjagaan kesihatan
- ▶ Perancangan dasar yang efektif

Sasaran Terpilih

0.7

Skor Indeks Perpaduan Nasional

55.0

Skor Indeks
Budaya Sukan Malaysia



Tumpuan 13: Reformasi Perlindungan Sosial

ANJAKAN
BESAR



Pengukuhan sistem perlindungan sosial melalui pendekatan sepanjang hayat



Pengintegrasian Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS) dengan Pangkalan Data Utama (PADU)



Pembangunan garis panduan dan pelaksanaan caruman simpanan persaraan secara mandatori untuk pekerja tidak formal



Pengenalan skim insurans dan takaful mampu bayar bagi B40 dan M40



Penawaran biasiswa kepada anak pertama B40 dan M40 yang layak ke IPT



Peluasan program asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) bersubsidi

Tumpuan 13: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Peningkatan perlindungan sosial orang awam dan pekerja
- ▶ Perlindungan pendapatan
- ▶ Penerimaan bantuan sosial
- ▶ Peningkatan simpanan persaraan



- ▶ Perkhidmatan lebih cekap
- ▶ Peningkatan peluang perniagaan



- ▶ Penambahbaikan perlindungan sosial
- ▶ Penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap
- ▶ Peningkatan kesejahteraan rakyat
- ▶ Pembangunan sosioekonomi yang lebih inklusif

Sasaran Terpilih

0%

Kadar kemiskinan tegar

4.2%

Kadar kemiskinan mutlak

0.388

Pekali Gini



Tumpuan 14: Peningkatan Taraf Hidup



Penggubalan dasar kemiskinan peringkat nasional



Pengelasan semula kategori pendapatan isi rumah



Pembangunan indeks kos sara hidup



Penambahbaikan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI)



Pembangunan tanah *Native Customary Rights* (NCR) bersepadu



Pembangunan komersial di atas tanah wakaf



Pengoptimuman wakaf dan koperasi untuk rawatan dan perlindungan kesihatan B40

Tumpuan 14: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Peningkatan kesejahteraan rakyat
- ▶ Peningkatan pendapatan
- ▶ Perlindungan kesihatan yang lebih baik
- ▶ Akses kepada maklumat mengenai bantuan kerajaan



- ▶ Penjanaan pendapatan
- ▶ Peningkatan keterlibatan perusahaan sosial (SE), pertubuhan masyarakat sivil (CSO) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)
- ▶ Peluang keberadaan di lokasi strategik



- ▶ Perancangan dan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan yang lebih sistematik
- ▶ Pembangunan sosioekonomi yang lebih inklusif
- ▶ Pengurangan kebergantungan kepada dana awam

Sasaran Terpilih

0.0026

Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi

0.388

Pekali Gini

65,000
hektar

Pemetaan tanah NCR di Sabah

353,190
hektar

Pemetaan tanah NCR di Sarawak



Tumpuan 14: Peningkatan Taraf Hidup



Peluasan program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) kepada kumpulan miskin tegar, miskin dan B40



Penyediaan program bantuan kebolehpasaran dan keupayaan keusahawanan B40



Peningkatan peluang keusahawanan melalui kemudahan kredit mikro kepada B40



Peluasan akses kepada pembiayaan untuk B40 dan M40



Peluasan inisiatif Payung Rahmah dan Jualan Terus dari Ladang



Pelaksanaan intervensi bersasar berbentuk tuisyen, biasiswa dan bantuan tunai kepada golongan miskin



Peningkatan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan bagi B40 dan M40

Tumpuan 14: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Peningkatan pendapatan
- ▶ Peningkatan keupayaan berbelanja
- ▶ Peningkatan taraf hidup rakyat
- ▶ Akses kepada perkhidmatan dan pembiayaan kewangan
- ▶ Perlindungan kesihatan yang lebih baik
- ▶ Peningkatan peluang pendidikan



- ▶ Peluasan pasaran
- ▶ Peningkatan peluang SE
- ▶ Penyewaan tapak perniagaan



- ▶ Pembangunan sosioekonomi yang lebih inklusif
- ▶ Peningkatan kesejahteraan rakyat
- ▶ Pemantauan harga barangan dan perkhidmatan yang lebih sistematik

Sasaran Terpilih

0%

Kadar Kemiskinan Tegar

5,000
orang

Usahawan makanan
dibangunkan di bawah
IPR INSAN

2,000
ekar

Keluasan tanah di bawah
IPR INTAN

20,000
peserta

Usahawan operator
perkhidmatan di bawah
IPR IKHSAN



Tumpuan 14: Peningkatan Taraf Hidup



Pewujudan perniagaan berasaskan komuniti berkonsepkan SE



Penyertaan B40 dalam aktiviti ekonomi gig yang mempunyai nilai tambah yang tinggi



Pelaksanaan program peningkatan kemahiran dan kebolehpasaran kumpulan berpendapatan rendah



Peningkatan taraf hidup masyarakat Cina dan India berpendapatan rendah



Penggalakan dan transformasi Kampung Baru Cina sebagai destinasi pelancongan



Peningkatan kesedaran mengenai manfaat inisiatif PeKa B40



Peningkatan kesedaran kewangan untuk B40 dan M40



Peluasan program kesedaran berkaitan faedah perlindungan insurans kepada M40

Tumpuan 14: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Peningkatan pendapatan
- ▶ Peningkatan taraf hidup rakyat
- ▶ Peningkatan akses kepada infrastruktur, perkhidmatan dan kemudahan asas serta kemudahan pembiayaan
- ▶ Peluang pekerjaan
- ▶ Peningkatan kemahiran



- ▶ Peluang perniagaan
- ▶ Peluang penyediaan perkhidmatan, pembinaan dan baik pulih
- ▶ Sumber tenaga kerja berkemahiran
- ▶ Peningkatan permintaan perlindungan insurans
- ▶ Peningkatan keterlibatan SE, CSO dan NGO
- ▶ Akses kepada pembiayaan



- ▶ Peningkatan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam
- ▶ Pengurangan kadar kemiskinan dan pengangguran
- ▶ Pembangunan sosioekonomi yang lebih inklusif
- ▶ Peningkatan aktiviti ekonomi

Sasaran Terpilih

RM4,300

Pendapatan penengah bulanan isi rumah B40

16.7%

Peratusan pendapatan B40 daripada keseluruhan pendapatan isi rumah

13.7%

Peratusan pekerja mahir daripada jumlah ketua isi rumah B40



Tumpuan 15:

Pencapaian Outcome yang Saksama untuk Bumiputera



Peluasan dasar *carve-out and compete* untuk mewujudkan peluang penyertaan



Pelaksanaan dasar pemisah bantuan dan sokongan kepada usahawan



Pengoptimuman potensi perjanjian perdagangan bebas (FTA) kepada Bumiputera



Penjajaran program keusahawanan mengikut mandat kementerian dan agensi



Penyediaan program latihan keusahawanan sebagai prasyarat permohonan pembiayaan kerajaan



Pelaksanaan program sokongan pematuhan piawaian antarabangsa



Pembangunan kemahiran insaniah dan set kemahiran baharu secara berterusan



Program sokongan penggalakan penciptaan pekerjaan



Penerimgunaan platform digital dan teknologi kewangan (*fintech*)

Tumpuan 15: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Peningkatan kemahiran dan pendapatan
- ▶ Peluang pekerjaan berkemahiran tinggi
- ▶ Penciptaan kekayaan



- ▶ Peningkatan penyertaan dan daya saing perusahaan Bumiputera
- ▶ Peluasan perniagaan dan pasaran
- ▶ Peningkatan daya saing produk



- ▶ Peningkatan kredibiliti pelaksanaan agenda Bumiputera
- ▶ Peningkatan aktiviti ekonomi
- ▶ Peningkatan penyampaian perkhidmatan
- ▶ Peningkatan pelaburan

Sasaran Terpilih

0.88:1

Nisbah pendapatan penengah bulanan isi rumah Bumiputera kepada Cina

65%

Penyertaan Bumiputera dalam kategori pekerjaan mahir



Tumpuan 15:

Pencapaian Outcome yang Saksama untuk Bumiputera



Penambahbaikan tadbir urus
Tanah Rizab Melayu



Pemeriksaan koperasi dan dewan
perniagaan Bumiputera



Pembangunan hartanah komersial
di lokasi terpilih



Peluasan kaedah sewa untuk beli
hartanah komersial Bumiputera



Penyenaraian hartanah kuota
Bumiputera tidak terjual di
platform *Unsold Property Enquiry
System Malaysia*



Peningkatan pembiayaan projek
sosioekonomi melalui wakaf tunai



Pengoptimuman potensi Dana Asas
EKUINAS dan pelaburan Amanah
Saham Bumiputera (ASB)



Peluasan program kesedaran
pelaburan ekuiti

Tumpuan 15: Manfaat Diterima dan Sasaran Terpilih

Manfaat Diterima



- ▶ Peningkatan kemahiran dan pendapatan
- ▶ Peluang pekerjaan berkemahiran tinggi
- ▶ Peluasan peluang perniagaan dan pekerjaan
- ▶ Peningkatan penyertaan dalam pasaran modal
